

4

Prestasi Mengikut Sektor

Keluaran Dalam Negeri Kasar

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dijangka berkembang 7.5% pada tahun 2000 berbanding 5.8% pada tahun 1999. Pertumbuhan dijangka berpunca daripada prestasi sektor perkilangan yang lebih baik dari dianggarkan, disokong oleh pertumbuhan positif dari semua sektor yang lain. Nilai ditambah sektor perkilangan dijangka mencatatkan pertumbuhan ketara 17% didorong oleh permintaan luar yang terus kukuh untuk keluaran elektronik serta permintaan dalam negeri yang meningkat dengan ketara. Industri berorientasi eksport dijangka berkembang 22.4% (1999:10.8%), disokong oleh permintaan dunia yang terus kukuh untuk barangan elektronik. Industri berorientasi permintaan dalam negeri pula dijangka mengekalkan momentum pertumbuhan dengan keluaran meningkat 17% berikutan pendapatan yang semakin tinggi, kadar faedah yang rendah serta peningkatan perbelanjaan awam bagi projek-projek infrastruktur.

Sektor pertanian akan berkembang dengan kadar yang lebih perlahan iaitu 0.5% pada tahun 2000 kerana pengeluaran minyak kelapa sawit mentah dan balak yang lebih rendah dan penguncupan dalam pengeluaran getah, seperti di *Jadual 4.1*. Nilai ditambah sektor perlombongan dijangka meningkat 0.6% berikutan peningkatan perlahan 0.4% dalam pengeluaran minyak mentah kepada 695,718 tong sehari. Pelaburan yang lebih tinggi untuk projek-projek infrastruktur serta rumah kos rendah dan sederhana telah menampung pasaran hartanah yang kurang cergas berikutan penawaran harta perniagaan dan hartanah mewah yang berlebihan. Oleh itu sektor pembinaan dijangka pulih dan meningkat 3.1% (1999: -5.6%). Dengan pertumbuhan mantap sektor perkilangan dan peningkatan aktiviti-aktiviti ekonomi keseluruhannya, sektor perkhidmatan dijangka mencatat

pertumbuhan 4.9% (1999: 3.3%), yang sejajar dengan pertumbuhan yang tinggi dalam sektor kecil pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan, perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran, dan kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan.

Sektor Perkilangan

Prestasi pengeluaran keseluruhan sektor perkilangan terus memberangsangkan berikutan pemulihan permintaan dalam negeri dan pertumbuhan eksport yang berterusan. Pemulihan sektor ini yang bermula pada Jun 1999 terus meningkat dan mencatatkan pertumbuhan pada kadar dua angka selama 15 bulan berturut-turut membolehkan sektor ini menerajui pertumbuhan ekonomi. Bagi tempoh separuh pertama tahun 2000, **nilai ditambah sektor perkilangan** telah mencatatkan pertumbuhan ketara sebanyak 24.5% berbanding dengan 5.3% yang dicatatkan dalam tempoh yang sama 1999. Berikutan daripada ini, sumbangannya kepada KDNK benar dijangka meningkat kepada 32.6% (1999: 30%).

Bagi tempoh separuh kedua tahun 2000, sektor ini dijangka berkembang dengan lebih sederhana disebabkan pertumbuhan yang lebih tinggi dalam tempoh yang sama 1999 dan kapasiti pengeluaran yang terhad dalam beberapa industri utama serta kemungkinan pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat (AS) yang perlahan. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi AS yang perlahan tidak akan menjejaskan pertumbuhan eksport dengan ketara disebabkan pemulihan ekonomi di rantau Asia yang masih kukuh serta pemulihan ekonomi yang sederhana di Eropah dijangka akan mengurangkan kesan tersebut. Sungguhpun begitu, sektor perkilangan dijangka terus mencapai prestasi yang baik dalam tempoh separuh kedua tahun

Jadual 4.1


Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Mengikut Sektor (%)

	Kadar Pertumbuhan Tahunan		Sumbangan Kepada KDNK		Sumbangan Kepada Pertumbuhan	
	1999	2000 ^e	1999	2000 ^e	1999	2000 ^e
Pertanian, perhutanan dan perikanan ¹	3.8	0.5	9.4	8.8	6.2	0.6
Perlombongan	-3.1	0.6	7.2	6.8	-4.3	0.6
Perkilangan	13.5	17	30.0	32.6	64.9	67.3
Pembinaan	-5.6	3.1	3.6	3.4	-3.9	1.5
Perkhidmatan	3.3	4.9	54.3	53	31.5	35.5
<i>Tolak</i> Bayaran Perkhidmatan yang dikenakan	2.2	2.8	7.3	7.0	2.9	2.7
<i>Campur</i> Cukai Import	20.1	-7.5	2.8	2.4	8.5	-2.7
KDNK	5.8	7.5	100.0	100.0	100.0	100.0

¹ termasuk ternakan dan hortikultur.

^e anggaran.

Carta 4.1
**Indeks Pengeluaran Perkilangan Bulanan
(peratus perubahan tahunan)**



2000. Pertumbuhan sektor ini akan berterusan dengan lebih meluas berikutan pertumbuhan pengeluaran industri elektrik dan elektronik, kimia, plastik, petroleum dan bahan binaan serta kelengkapan pengangkutan. Ramalan ini adalah berdasarkan kepada kapasiti pengeluaran yang dijangka meningkat dalam beberapa industri dalam tempoh separuh kedua tahun 2000 dan peningkatan perbelanjaan awam dalam projek-projek awam terutamanya infrastruktur. Selain daripada itu, kadar faedah yang rendah dan sentimen pengguna yang lebih baik juga meningkatkan jualan dalam negeri. Oleh yang demikian, nilai ditambah sektor perkilangan dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 17% (1999: 13.5%).

Pengeluaran **industri berorientasi eksport** mencatatkan pertumbuhan yang lebih kukuh daripada yang dijangkakan iaitu 33.4% dalam tempoh lapan bulan pertama 2000 (Januari-Ogos 1999: 5%). Pertumbuhan yang lebih ketara ini adalah berpunca daripada permintaan global yang kukuh untuk barangan elektrik dan elektronik termasuk separa konduktor, audio-visual serta kelengkapan pejabat, dan penyaman udara. Pengeluaran sektor utama yang lain juga mencatatkan pertumbuhan positif, seperti sektor tekstil dan pakaian yang meningkat 9.4% (Januari-Ogos 1999: 1.8%) seperti di *Jadual 4.2*, sementara sektor keluaran kayu juga mencatatkan pertumbuhan positif 4.4% (Januari-Ogos 1999: -11%). Keluaran getah turut mencatatkan pertumbuhan sebanyak 4% (Januari-Ogos 1999: 3.6%) berikutan peningkatan pengeluaran tayar dan tiub.

Pengeluaran **industri berorientasi dalam negeri** meningkat 21.5% (Januari-Ogos 1999: 8.3%), mencerminkan keadaan ekonomi yang bertambah baik, pendapatan yang meningkat dan rangsangan fiskal. Antara industri yang mencatatkan pertumbuhan pengeluaran yang ketara termasuk industri kimia dan plastik, didorong oleh permintaan daripada industri elektronik dan industri kelengkapan pengangkutan. Pengeluaran kelengkapan pengangkutan dijangka berkembang berikutan peningkatan permintaan dan pengeluaran model baru kereta nasional. Sementara pemulihan dalam pembinaan rumah kos rendah dan sederhana serta pelaksanaan semula beberapa projek infrastruktur di samping peningkatan perbelanjaan Kerajaan akan meningkatkan pengeluaran besi dan keluli serta bahan binaan

Jadual 4.2			
Indeks Pengeluaran Perkilangan (1993=100) (Januari-Ogos)			
	Wajaran	Kadar Pertumbuhan Tahunan (%)	
		1999	2000
Keluaran elektrik, elektronik dan jentera	32.9	8.3	44.0
Alat profesional dan saintifik dan ukuran dan kawalan	1.35	-5.6	20.0
Tekstil dan pakaian	5.58	1.8	9.4
Kasut	0.1	-18.2	94.2
Keluaran berasaskan kayu (kecuali perabot)	7.7	-11.0	4.4
Keluaran berasaskan getah	5.28	3.6	4.0
Makanan, minuman dan tembakau	11.12	9.5	18.2
Kertas dan produk kertas	1.69	6.2	17.6
Penapisan petroleum	1.36	-6.4	20.5
Pelbagai produk petroleum dan arang batu	0.41	11.0	30.8
Kimia, keluaran Kimia dan plastik	15.47	10.7	18.9
Keluaran galian bukan logam	4.87	-6.7	22.8
Besi dan keluli	3.17	29.8	28.6
Keluaran logam bukan feram	0.82	6.7	14.0
Keluaran logam yang direka	4.53	-17.0	38.4
Kelengkapan pengangkutan	3.65	48.4	24.5
Jumlah	100.0	6.5	27.8
Sumber: Indeks Pengeluaran Perindustrian, Jabatan Perangkaan.			

yang lain. Pada masa yang sama, peningkatan permintaan di dalam dan luar negara untuk seramik dan keluaran tanah liat akan meningkatkan pengeluaran industri galian bukan logam. Dari segi sumbangan kepada keseluruhan pengeluaran, industri berorientasi dalam negeri menyumbang sebanyak 45%, sementara industri berorientasi eksport terus mencatatkan kadar yang lebih tinggi iaitu 55%.

Peningkatan pertumbuhan yang ketara dalam sektor perkilangan juga dapat dilihat melalui hasil jualan perkilangan. Bagi tempoh tujuh bulan pertama 2000 hasil jualan perkilangan telah meningkat 32.2% (Januari-Julai 1999: 9.2%). Nilai jualan yang lebih tinggi ini didorong oleh peningkatan permintaan yang ketara untuk petroleum, keluaran kimia dan plastik, elektrik dan elektronik serta kelengkapan pengangkutan. Sejajar dengan peningkatan jumlah pekerjaan dalam sektor perkilangan, jumlah upah juga meningkat 16.8% (Januari-Julai 1999: 3.3%) dengan upah bulanan purata untuk semua kategori pekerja terus meningkat sebanyak 7.9% (Januari-Julai 1999: 3.7%). Walau bagaimanapun, upah purata benar bagi setiap pekerja, iaitu perubahan

upah purata nominal setelah mengambilkira perubahan harga jualan barangan, meningkat 4.6% (Januari-Julai 1999: -0.5%) seperti di *Jadual 4.3*. Peningkatan upah purata benar diikuti peningkatan keluaran setiap pekerja sebanyak 18.5% (Januari-Julai 1999: 5.2%) dalam tempoh tujuh bulan pertama 2000, disebabkan peningkatan pengeluaran yang lebih tinggi (28.2%) berbanding dengan peningkatan dalam pekerjaan (8.2%). Memandangkan keluaran setiap pekerja meningkat pada kadar yang lebih cepat daripada kadar upah purata benar, kos buruh seunit benar telah berkurang sebanyak 11.7% (Januari-Julai 1999: -5.3%) dengan sebahagian besar kejatuhan kos buruh seunit terdapat dalam sektor petroleum, kimia dan plastik. Walau bagaimanapun, keluaran kayu dan kelengkapan pengangkutan mengalami peningkatan dalam kos buruh seunit dengan masing-masing bertambah 1.1% dan 9.4%.

Sejajar dengan trend permintaan global separa konduktor yang meningkat, **keluaran industri elektrik, elektronik dan jentera** sebagai satu kumpulan telah meningkat dengan mendadak sebanyak 44% (Januari-Ogos 1999: 8.3%) dalam tempoh lapan bulan pertama 2000. Keluaran separa

Jadual 4.3

Sektor Perkilangan
Produktiviti Buruh, Upah Purata Benar dan Kos Buruh Seunit
Mengikut Industri
(Januari-Julai 2000)

Industri	Kadar Pertumbuhan Tahunan (%)		
	Produktiviti Buruh	Upah Purata Benar	Kos Buruh Seunit Benar
Sektor Perkilangan	18.5	4.6	-11.7
Keluaran elektrik, elektronik dan jentera	28.7	18.8	-7.7
Tekstil dan pakaian	5.9	2.1	-3.6
Kimia dan keluaran kimia	7.7	-21.5	-27.1
Kelengkapan pengangkutan	9.6	19.9	9.4

Sumber: Perangkaan Pembuatan Bulanan, Jabatan Perangkaan.

konduktor yang menyumbang kepada 32.1% daripada jumlah pertumbuhan sektor perkilangan, telah meningkat dengan ketara sebanyak 48.6% (Januari-Ogos 1999: 14.6%). Pertumbuhan yang kukuh daripada yang dijangkakan ini disokong oleh pertumbuhan yang kukuh dalam sektor teknologi maklumat dan komunikasi wayarles. Peningkatan permintaan separa konduktor yang mendadak ini telah menimbulkan masalah kapasiti pengeluaran alat ganti. Keadaan ini dijangka dapat diperbaiki apabila tambahan baru dan pengembangan kapasiti dilaksanakan pada tahun 2001.

Pengeluaran televisyen dan keluaran audio-visual yang lain juga pulih dengan mencatatkan peningkatan ketara 19% (Januari-Ogos 1999: -5.1%), didorong oleh pemulihan ekonomi serantau dan sentimen pengguna yang baik di pasaran dalam negeri. Pengeluaran yang lebih tinggi ini juga disebabkan keluaran model baru dengan ciri dan teknologi yang lebih canggih untuk menarik minat pengguna berpendapatan tinggi yang semakin bertambah disebabkan ekonomi yang semakin pulih. Begitu juga dengan keluaran mesin bukan elektrik seperti mesin pengiraan dan perakaunan pejabat, peti sejuk, ekzos, pembersih dan penyaman udara juga turut bertambah dengan kukuh mencatatkan pertumbuhan 60.4% (Januari-Ogos 1999: -11.5%) berikutan peningkatan pesanan jualan dari dalam dan luar negara.

Pengeluaran **industri tekstil dan pakaian** berkembang 9.4% (Januari-Ogos 1999: 1.8%) dalam tempoh lapan bulan pertama 2000 berikutan permintaan luar negara yang kukuh. Pertumbuhan ini dapat digambarkan oleh peningkatan dalam pengeluaran tekstil tiruan sebanyak 9% (Januari-Ogos 1999: 0.1%). Keluaran daripada kilang mengait juga pulih dan mencatatkan peningkatan 1.5% (Januari-Ogos 1999: -4.9%) turut menyumbang kepada pencapaian prestasi baik sektor ini. Keluaran pakaian juga meningkat dan mencatatkan pertumbuhan 17.2% (Januari-Ogos 1999: 3.5%) berikutan permintaan pasaran eksport yang meningkat.

Keluaran kayu juga bertambah dengan mencatatkan pertumbuhan 4.4% (Januari-Ogos 1999: -11%) dalam tempoh lapan bulan pertama 2000. Prestasi yang menggalakkan ini didorong oleh harga kayu dan barangan kayu yang lebih

stabil dan peningkatan dalam pembinaan rumah kos rendah dan sederhana serta permintaan tinggi dari industri perabot. Ini dapat dilihat dari pengeluaran papan lapis, papan gentian keras dan papan serbuk sebagai satu kumpulan telah meningkat 5.5% (Januari-Ogos 1999: -3.3%). Keluaran kayu bergergaji juga pulih dengan pertumbuhan kecil sebanyak 1.2% (Januari-Ogos 1999: -26%) berikutan peningkatan permintaan dari dalam dan luar negara.

Pengeluaran industri **keluaran getah** terus berkembang dengan kadar pertumbuhan sebanyak 4% (Januari-Ogos 1999: 3.6%) dalam tempoh lapan bulan pertama 2000. Pertumbuhan ini adalah didorong oleh peningkatan keluaran tayar dan tiub sebanyak 13.5% (Januari-Ogos 1999: 3.1%) sejajar dengan pemulihan industri automobil. Pengeluaran barangan getah yang lain termasuk sarung tangan getah dan tiub klinikal juga meningkat 1.8% berikutan pesanan dari luar negara yang bertambah. Pengeluaran susu getah diproses juga meningkat 6.3% (Januari-Ogos 1999: 2.5%) didorong oleh peningkatan bekalan susu getah yang diimport dan kenaikan permintaan barangan berasaskan susu getah.

Keluaran **makanan, minuman dan tembakau** juga berkembang dengan ketara sebanyak 18.2% (Januari-Ogos 1999: 9.5%) seperti di *Jadual 4.4*, menunjukkan peningkatan penggunaan dalam negeri. Pengeluaran makanan bertambah 14.3% (Januari-Ogos 1999: 15.9%) dengan pengeluaran lebih tinggi daripada minyak kelapa sawit (13.2%) dan produk tenusu (10.1%). Begitu juga dengan pengeluaran minuman dan tembakau yang mencatatkan pertumbuhan tinggi sebanyak 10.1% dan 65.4% berikutan peningkatan permintaan dalam dan luar negara.

Pengeluaran **industri kimia** mencatatkan peningkatan yang kukuh sebanyak 18.9% (Januari-Ogos 1999: 10.7%) disokong oleh peningkatan permintaan untuk bahan kimia perindustrian dan produk kimia lain. Pengeluaran bahan kimia perindustrian meningkat sebanyak 7.1% (Januari-Ogos 1999: 4.2%) yang dirangsang oleh permintaan tinggi untuk resin di pasaran dalam dan luar negara. Sektor kecil produk kimia yang lain juga mencatatkan peningkatan ketara sebanyak 14.5% (Januari-Ogos 1999: 6.2%) disokong oleh keluaran cat, varnis dan lakuer yang lebih tinggi

Jadual 4.4

**Pengeluaran Sektor Kecil
Perkilangan Makanan Terpilih
(Januari-Ogos)**

	Kadar Pertumbuhan Tahunan (%)	
	1999	2000
Beras	1.4	-1.0
Keluaran tenusu	6.5	10.1
Biskut	8.9	2.4
Ikan, krustasia dan makanan seumpamanya	-8.0	5.4
Minyak kelapa sawit	24.0	13.2
Kilang gula dan penapis gula	12.8	5.0
Koko dan coklat	4.2	19.7
Makanan binatang	9.3	10.1
Keluaran makanan lain	-0.5	90.7
Jumlah	15.9	14.3
Sumber: Indeks Pengeluaran Perindustrian, Jabatan Perangkaan.		

berikutan permintaan tinggi dari sektor pembinaan dan automobil. Keluaran sektor kecil plastik, salah satu sektor sokongan utama kepada industri elektrik dan elektronik serta industri makanan telah meningkat dengan ketara sebanyak 37.8% (Januari-Ogos 1999: 23.8%) sejajar dengan pertumbuhan industri-industri tersebut.

Keluaran penapisan petroleum juga meningkat lebih tinggi sebanyak 20.5% (Januari-Ogos 1999: -6.4%) didorong oleh pengukuhan permintaan dalam negeri dan peningkatan eksport. Peningkatan keluaran petroleum adalah disebabkan peningkatan bekalan minyak mentah dan pertumbuhan tinggi dalam keluaran utama petroleum dan petrokimia yang dihasilkan oleh kilang penapisan seperti minyak tanah, minyak bahan api, diesel, gas petroleum cecair dan gasolin.

Keluaran galian bukan logam turut berkembang 22.8% dalam tempoh lapan bulan pertama 2000. Ini merupakan satu pemulihan yang ketara berbanding dengan penguncupan 6.7% yang dialami dalam tempoh yang sama 1999. Prestasi yang baik ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan yang mendadak sebanyak 41.3% (Januari-Ogos 1999: -6.7%) dalam pengeluaran simen dan bahan konkrit berikutan permintaan dalam negeri yang lebih tinggi setelah aktiviti pembinaan mula pulih dan usaha berterusan untuk membuka pasaran eksport baru. Peningkatan permintaan dalam dan luar negara untuk keluaran seramik juga menyebabkan peningkatan keluaran struktur tanah liat sebanyak 8.4%, sementara pemulihan dalam industri kelengkapan pengangkutan dan pembinaan telah merangsangkan keluaran kaca sebanyak 16.3%.

Pertumbuhan pengeluaran **keluaran besi asas** juga meningkat dengan kukuh sebanyak 31.6% dalam tempoh lapan bulan pertama 2000 (Januari-Ogos 1999: -1.2%). Peningkatan yang ketara ini didorong oleh permintaan dalam dan luar negara. Pengeluaran besi dan keluli bertambah 28.6% (Januari-Ogos 1999: 29.8%) berikutan kenaikan permintaan luar negara dan lanjutan daripada pelaksanaan projek awam dan penswastan projek infrastruktur. Pengeluaran bagi keluaran logam dibentuk untuk industri berorientasi eksport juga telah pulih dan meningkat 38.4% (Januari-Ogos 1999: -17%). Pertumbuhan ini juga disokong oleh peningkatan permintaan untuk keluaran tin timah dan kotak besi dari industri minuman dan pemprosesan makanan.

Berikutan pertumbuhan aktiviti ekonomi dan pendapatan bolehguna yang lebih tinggi, keluaran **kelengkapan pengangkutan** terus meningkat 24.5% (Januari-Ogos 1999: 48.4%), didorong oleh permintaan dalam negeri yang bertambah untuk kereta penumpang dan kenderaan perdagangan. Pertumbuhan ini disokong oleh peningkatan dalam pengeluaran dan pemasangan kenderaan bermotor sebanyak 25.2% dalam tempoh lapan bulan pertama 2000 berbanding dengan tempoh yang sama 1999. Manakala keluaran model baru kereta nasional juga berjaya menarik minat pengguna yang menyebabkan jualan meningkat. Pengeluaran kenderaan bermotor yang tinggi juga menggalakkan pengeluaran alat ganti dan aksesori yang turut bertambah 30.2% (Januari-Ogos 1999: 34.7%).

Sektor Pertanian

Nilai ditambah sektor pertanian, termasuk ternakan, perhutanan dan perikanan dijangka meningkat 0.5% kepada RM18,166 juta pada tahun 2000 (1999: 3.8%). Kesemua sektor kecil pertanian, kecuali getah, dijangka mencatatkan pertumbuhan positif pada tahun 2000, seperti di *Jadual 4.5*. Pengeluaran getah dijangka berkurangan disebabkan harga yang kurang mem-berangsangkan. Manakala, pengeluaran minyak kelapa sawit terus meningkat disebabkan pertambahan kawasan matang. Pengeluaran kayu balak dijangka meningkat selaras dengan penggunaan tempatan yang lebih tinggi. Dengan pertumbuhan sektor tersebut lebih rendah berbanding pertumbuhan KDNK benar, sumbangan sektor pertanian dijangka berkurangan kepada 8.8% (1999: 9.4%).

Minyak Kelapa Sawit dan Minyak Isirong Kelapa Sawit

Selepas pengeluaran hasil perladangan kelapa sawit mencapai tahap yang tinggi pada tahun 1999, dengan pengeluaran **minyak kelapa sawit** (CPO) meningkat sebanyak 26.9% kepada

10,554,000 tan metrik, pengeluaran minyak kelapa sawit dijangka mencatatkan pertumbuhan yang kecil pada tahun 2000. Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 2000, pengeluaran minyak kelapa sawit merosot kepada 6,440,000 tan metrik (Januari-Ogos 1999: 6,568,000 tan metrik) atau 1.9% lebih rendah berbanding dengan tempoh yang sama tahun 1999. Pengeluaran minyak kelapa sawit untuk tahun 2000 dijangka mencapai 10,650,000 tan metrik, peningkatan 0.9% berbanding dengan tahun sebelumnya. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh kawasan yang baru mengeluarkan hasil meningkat seluas 108,300 hektar menjadikan keseluruhan kawasan matang berjumlah 2,965,000 hektar seperti di *Jadual 4.6*, terutamanya daripada penambahan kawasan matang di Sabah dan Melaka. Sebahagian besar pengeluaran (70.3%) adalah dari Semenanjung Malaysia manakala selebihnya adalah dari Sabah (25.3%) dan Sarawak (4.3%).

Dengan minat yang berterusan dalam perladangan kelapa sawit, jumlah kawasan yang ditanam dengan kelapa sawit dijangka meningkat 4.5% kepada 3,463,000 hektar pada tahun 2000 (1999: 3,313,000 hektar). Sabah 928,000 hektar (29.4%), Johor (17.2%) dan Pahang (16.3%) dijangka merupakan tiga negeri terbesar menanam tanaman ini. Hampir keseluruhan kawasan ditanam secara estet dengan kawasan kebun kecil hanya meliputi 9% daripada jumlah keseluruhan. Dari segi komposisi pemilikan, sektor swasta merangkumi 2,113,000 hektar (67%) manakala selebihnya adalah dari agensi Kerajaan seperti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan Lembaga Penyatuan dan Pemuliharaan Tanah Persekutuan (FELCRA) Berhad.

Persaingan dalam minyak dan lelemak dijangka meningkat dengan pertambahan pengeluaran dunia bagi minyak kacang soya (2.4%), minyak *rapeseed* (15.6%) dan minyak bunga matahari (3.2%). Stok minyak kelapa sawit dijangka kekal melebihi paras satu juta tan metrik berikutan peningkatan dalam pengeluaran melebihi peningkatan dalam eksport. Dengan itu, harga dijangka kekal rendah. Langkah-langkah yang sedang diambil untuk meningkatkan daya saing termasuk mengurangkan kos pengeluaran, meningkatkan pengeluaran sehektar dan memaksimumkan penggunaan produk sampingan kelapa sawit. Pencapaian terbaru dalam penggunaan bukan pemakanan minyak kelapa sawit adalah penemuan oleh Lembaga Minyak Kelapa Sawit Malaysia (MPOB) dalam pengasingan komponen biokimia untuk digunakan sebagai pulpa

Jadual 4.5

Nilai Ditambah dalam Sektor Pertanian, Ternakan, Perhutanan, Pembalakan dan Perikanan pada Harga 1987 (%)

	Kadar Pertumbuhan Tahunan		Sumbangan Kepada Pertanian	
	1999	2000 ^a	1999	2000 ^a
Pertanian, Perhutanan dan Perikanan	3.8	0.5	100.0	100.0
Getah	-12.9	-9.0	8.1	7.4
Kelapa Sawit	29.2	0.9	33.2	33.3
Lain-lain pertanian termasuk ternakan	-3.2	2.3	27.8	28.3
Perhutanan dan				
Pembalakan	-11.3	1.5	17.9	18.2
Perikanan	4.4	0.3	12.9	12.9

^a Anggaran.

Jadual 4.6

Keluasan dan Pengeluaran Minyak Kelapa Sawit

	1999	2000 ^a	Kadar Pertumbuhan Tahunan (%)	
			1999	2000 ^a
Keluasan tanaman ('000 hektar)	3,313	3,463	7.6	4.5
Keluasan matang ('000 hektar)	2,857	2,965	10.0	3.8
Pengeluaran ('000 tan metrik)				
Minyak kelapa				
Sawit	10,554	10,650	26.9	0.9
Minyak isirong kelapa sawit	1,339	1,410	21.7	5.3
Hasil (tan metrik/hektar)	19.26	18.88	20.5	-2.0

^a Anggaran.

dalam pengeluaran kertas. Produk baru, penstabil tanah, telah dikenal pasti boleh digunakan untuk meningkatkan kualiti jalan di ladang dalam semua keadaan cuaca. Sebagai usaha ke arah meningkatkan produktiviti, MPOB telah memperkembangkan mesin pengeras mekanikal yang boleh digunakan dalam penuaian tandan buah sawit masak dari pokok kelapa sawit muda.


Selaras dengan peningkatan pengeluaran minyak kelapa sawit, pengeluaran **minyak isirong kelapa sawit** dijangka meningkat 5.2% kepada 1,410,000 tan metrik pada tahun 2000 (1999: 1,340,000 tan metrik). Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun ini pengeluaran meningkat 2.3% kepada 850,670 tan metrik (Jan-Ogos 1999: 831,914 tan metrik).

Kayu Kayan

Pengeluaran **kayu balak** pada tahun 2000 dijangka akan mencatatkan peningkatan kecil 1.2% (1999: 0.6%). Dalam tempoh lapan bulan pertama, pengeluaran balak dalam tiga kawasan meliputi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak telah

meningkat 8% kepada 15,718 ribu meter padu (Januari- Ogos 1999: 14,550 ribu meter padu). Berikutan dengan itu, nilai ditambah sektor perhutanan dijangka meningkat 1.5% kepada RM3,284 juta pada tahun 2000 (1999: RM3,237 juta). Dengan peningkatan penggunaan tempatan kayu balak untuk produk yang mempunyai nilai ditambah lebih tinggi seperti papan gentian berketumpatan sederhana, papan serpai, papan partikel, kayu lamina venir dan perabot, penggunaan tempatan kayu balak dijangka meningkat 12.3% kepada 17,084 ribu meter padu (1999: 15,181 ribu meter padu). Daripada pengeluaran kayu balak berjumlah 22,055 ribu meter padu (1999: 21,799 ribu meter padu), 71.7% (1999: 69.1%) adalah untuk kegunaan dalam negeri. Di bawah Dasar Perhutanan Kebangsaan, setiap negeri dikehendaki mematuhi arahan penebangan di mana terdapat kawalan dalam jumlah balak yang boleh ditebang setiap tahun. Untuk meningkatkan stok balak yang sedia ada, seluas 175,492 hektar (1999: 155,369 hektar) sedang ditanam semula di Sabah dengan spesis cepat matang.

Carta 4.2
Nilai Ditambah Bagi Sektor Pertanian, Perikanan dan Perhutanan Pada Harga Tetap 1987 (perubahan peratus tahunan)



Jadual 4.7

Pengeluaran, Hasil dan Keluasan Getah

	1999	2000 ^a	Kadar Pertumbuhan Tahunan (%)	
			1999	2000 ^a
Jumlah keluasan ('000 hektar)	1,464.8	1,430.7	-6.6	-2.3
Kebun kecil	1,207.1	1,170.9	-12.1	-3.0
Estet	257.7	259.8	32.0	0.8
Hasil (kg sehektar)				
Kebun kecil	876	857	-2.7	-2.1
Estet	1,226	1,153	0.2	-6.0
Jumlah Pengeluaran ('000 tan metrik)	768.8	700	-13.2	-8.9
Kebun kecil	585.8	557.0	-14.7	-4.9
Estet	183.0	163.0	-8.0	-10.9
% daripada pengeluaran dunia	11.6	10.4	—	—

^a Anggaran.

Sumber: Kementerian Perusahaan Utama dan Jabatan Perangkaan.

Getah

Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 2000, pengeluaran **getah** merosot 20.5% kepada 421,254 tan metrik (Januari-Ogos 1999: 529,800 tan metrik). Pengeluaran tahun 2000 dijangka menguncup 8.9% kepada 700,000 tan metrik (1999: 768,800 tan metrik) disebabkan harga yang lemah dan kemerosotan kawasan tanaman, seperti di *Jadual 4.7*. Jumlah kawasan tanaman getah dijangka berkurangan 2.4% kepada 1,430,700 hektar pada tahun 2000 (1999: 1,464,800 hektar) kerana kawasan getah ditukarkan penggunaannya kepada kawasan perumahan, industri, rekreasi dan juga untuk penanaman kelapa sawit.

Beberapa langkah sedang diambil untuk meningkatkan pengeluaran susu getah dan kayu getah. Untuk meningkatkan pengeluaran, pokok getah tua ditanam semula dengan klon berhasil tinggi siri Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) 2000. Sebagai langkah untuk mengatasi masalah buruh, baja baru yang mengeluarkan nutrient pada kadar yang lebih perlahan telah

diperkenalkan untuk mengurangkan jarak masa pembajaan. Penorehan berintensiti rendah atau "LITS" dengan teknologi penorehan terbaru yang boleh mengurangkan kekerapan penorehan dengan merangsang pengeluaran susu getah juga diperkenalkan. Pada masa yang sama, industri perkilangan diperkembangkan untuk menghasilkan produk yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi daripada getah, terutamanya daripada susu getah.

Pertanian Lain (termasuk ternakan) dan Perikanan

Nilai ditambah **pertanian lain (termasuk ternakan)** dijangka meningkat kepada RM5,145 juta atau 2.3% (1999: RM5,030 juta). Pengeluaran **ternakan** seperti di *Jadual 4.8*, dijangka meningkat 7.9% pada tahun 2000 (1999: -2.6%) disebabkan peningkatan pengeluaran ternakan ayam sebanyak 8.6% kepada 803,120 tan metrik (1999: 739,520 tan metrik), berikutan penggunaan tempatan yang

Jadual 4.8

Pengeluaran Lain-lain Pertanian Ternakan dan Perikanan
(^a000 tan metrik)

	1999	2000 ^a	Kadar Pertumbuhan Tahunan (%)	
			1999	2000 ^a
Padi	2,038.0	2,195.0	4.8	7.7
Koko	83.7	88.0	-7.2	5.2
Lada	21.5	24.1	0.8	11.7
Nanas	82.6	73.0	-10.3	-11.6
Tembakau ¹	72.1	78.9	-24.8	9.3
Buah-buahan ²	782.0	820.0	-31.1	4.8
Perikanan ³	1,247.4	1,249.5	2.7	0.2
Ternakan ⁴	908.3	980.4	-2.6	7.9

¹ Daun tembakau hijau.² Termasuk buah-buahan utama seperti durian, belimbing, jambu, rambutan, manggis, pisang dan betik.³ Pendaratan ikan laut sahaja.⁴ Termasuk daging, ayam, khinzir dan kambing.^a Anggaran.

Sumber: Kementerian Pertanian dan Kementerian Perusahaan Utama.

lebih tinggi. Pengeluaran daging meningkat 42.7% dan kambing 31.7%. Dalam sektor perikanan, pendaratan **ikan** dijangka meningkat 0.2% kepada 1.25 juta tan metrik disebabkan peningkatan produktiviti dan bilangan kapal laut dalam. Penternakan **akuakultur** dijangka meningkat 6.6% kepada 157,412 tan metrik pada tahun 2000 (1999: 147,720 tan metrik) disebabkan peningkatan kawasan penternakan 4.3% kepada 119,311 unit pada tahun 2000 dengan jumlah kawasan ternakan seluas 20,824 hektar (1999: 18,918 hektar).

Pengeluaran **koko** dijangka meningkat 5.2% kepada 88,000 tan metrik (1999: 83,668 tan metrik). Walaupun kawasan penanaman berkurang 1.2% kepada 110,000 hektar (1999: 111,385 hektar), pengeluaran dijangka masih tinggi disebabkan hasil sebenar meningkat 14.9% kepada 863.36 kg/hektar pada tahun 2000 (1999: 751.16 kg/hektar). Peningkatan produktiviti boleh dikaitkan dengan pemulihan pokok melalui pencantuman. Daripada keseluruhan kawasan tersebut, Sabah meliputi 56.7%, Sarawak 25.8% dan selebihnya Semenanjung Malaysia 17.5%.

Pengeluaran **lada** pada tahun 2000 dijangka meningkat 11.7% kepada 24,060 tan metrik (1999: 21,537 tan metrik) dengan nisbah lada hitam kepada lada putih pada 9:1 (1999: 7.4:2.6). Pengeluar terbesar adalah Sarawak meliputi 99.8% daripada pengeluaran. Peningkatan dalam pengeluaran sebahagiannya disebabkan peningkatan dalam keluasan tanaman serta usaha-usaha untuk meningkatkan penanaman berkos rendah, penggunaan baja yang lebih efisien serta peningkatan permintaan. Malaysia menyumbang 11.1% (1999: 10.1%) daripada pengeluaran dunia dan merupakan pengeluar kelima terbesar di dunia pada masa ini.

Sektor Perlombongan

Nilai ditambah dalam **sektor perlombongan** dijangka meningkat 0.6% (1999: -3.1%), seperti di *Jadual 4.9*. Ini berikutan daripada peningkatan pengeluaran petroleum mentah (termasuk kondensat) dan gas asli untuk memenuhi peningkatan dalam kegunaan tempatan. Pengeluaran timah merosot disebabkan rizab yang berkurangan dan harga yang rendah. Sumbangan sektor perlombongan kepada KDNK benar dianggarkan menurun kepada 6.8% (1999: 7.2%).

Jadual 4.9

Nilai Ditambah bagi Sektor Perlombongan pada harga 1987

	RM juta		Kadar Pertumbuhan Tahunan (%)	
	1999	2000 ^a	1999	2000 ^a
Sektor Perlombongan	13,974	14,058	-3.1	0.6
Petroleum mentah & gas asli	13,427	13,503	-2.8	0.6
Lain-lain perlombongan	547	555	-10.8	1.5
^a Anggaran.				

Petroleum Mentah dan Gas

Dalam tempoh lapan bulan pertama 2000, pengeluaran **petroleum mentah** meningkat 2.3% kepada 695,823 tong sehari (tsh) (Januari-Ogos 1999: 680,210 tsh), seperti di *Jadual 4.10*, pengeluaran petroleum mentah pada tahun 2000 dijangka meningkat 0.4% kepada 695,718 tsh (1999: 694,868 tsh) selaras dengan sasaran pengeluaran PETRONAS. Semenanjung Malaysia dijangka menyumbang 59% kepada pengeluaran manakala Sarawak 27.8% dan Sabah 13.2%.

Dalam aktiviti eksplorasi petroleum mentah, satu medan baru telah dijumpai di Sabah pada tahun 2000. Dalam tempoh separuh pertama tahun 2000, 22 telaga eksplorasi dan 12 telaga pembangunan dan pengeluaran telah diusahakan berbanding 13 telaga eksplorasi dan 45 telaga pembangunan dan pengeluaran pada tahun 1999.

Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun ini, pengeluaran gas asli meningkat 2.2% kepada 936,554 juta kaki padu standard (jkps) berbanding tempoh yang sama tahun 1999 iaitu pada 916,204 jkps. Bagi tahun 2000, pengeluaran gas asli dijangka meningkat 4.6% kepada 3,882 juta meter padu standard sehari (jkps/h) (1999: 3,720 jkps/h) berikutan permintaan gas asli dari luar negara yang tinggi terutamanya dari Jepun dan Korea.

Jadual 4.10

Pengeluaran Petroleum Mentah dan Gas

	1999	2000 ^a	Kadar Pertumbuhan Tahunan (%)	
			1999	2000 ^a
Petroleum mentah ('000 tsh) ¹	694,868	695,718	-4.2	0.4
Gas Asli (jkps/h) ²	3,720	3,882	-3.4	4.6

¹ Termasuk kondensat.² Tidak termasuk pembakaran dan suntikan semula.^a Anggaran.


Sumber: PETRONAS.

Penggunaan tempatan gas asli dijangka meningkat 1.2% kepada 1,500 jkps/h pada tahun 2000 (1999: 1,486 jkps/h) di mana 62.1% digunakan sebagai tenaga, terutamanya oleh Tenaga Nasional Berhad dan 22.9% lagi oleh sektor industri. Untuk memenuhi permintaan gas asli yang lebih tinggi, pengeluaran bermula di medan gas Resak pada bulan Januari tahun 2000, manakala tiga medan gas baru dijangka memulakan pengeluaran pada tahun 2002 dan lima lagi pada tahun 2003. Pada tahun 2000 terdapat 218 medan gas dan tujuh telaga gas berbanding dengan 214 medan gas dan dua telaga gas pada tahun 1999.

Timah

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 2000, pengeluaran timah merosot 11.2% kepada 3,604 tan metrik (Januari-Julai 1999: 4,059 tan metrik). Untuk keseluruhan tahun pengeluaran timah dijangka merosot 16.9% kepada 6,100 tan metrik (1999: 7,340 tan metrik) seperti di Jadual 4.11 disebabkan rezab timah yang berkurangan dan harga yang kurang memberangsangkan. Bilangan lombong timah dalam operasi dengan itu berkurangan daripada 43 lombong pada Jun 1999

Carta 4.3
Nilai Ditambah Bagi Sektor Perlombongan
Pada Harga Tetap 1987
(perubahan peratus tahunan)



Jadual 4.11

Pengeluaran, Bilangan Lombong dan Pekerjaan Di Industri Perlombongan Timah

	1999	2000	Kadar Pertumbuhan Tahunan (%)	
			1999	2000
Pengeluaran ('000 tan)	7.3	6.1 ^e	-16.4	-16.9 ^e
Bilangan lombong*	43	37	22.9	-14.0
Kapal korek*	1	2	0	100
Pam kelikir*	27	25	35.0	-7.4
Lombong dedah*	15	10	7.1	-33.3
Bilangan pekerja*	1,878	1,707	48.0	-9.1

* Sehingga akhir Jun.

^a Anggaran.

Sumber: Kementerian Perusahaan Utama.

kepada 37 lombong pada Jun 2000, manakala jumlah pekerja telah juga berkurangan daripada 1,878 kepada 1,707 pekerja. Penggunaan tempatan timah dijangka meningkat 8.8% kepada 6,400 tan metrik (1999: 5,884 tan metrik), yang mana 59.4% dijangka digunakan dalam pengeluaran pateri, 11.7% untuk pewter, 13.3% untuk penyaduran timah dan 15.6% dalam lain-lain pengeluaran.

Sektor Pembinaan

Nilai ditambah sektor pembinaan dijangka berkembang 3.1% pada tahun 2000 (1999: -5.6%) berikutan permintaan dalam negeri yang tinggi dalam beberapa segmen pasaran hartanah dan pelaburan sektor swasta yang tinggi. Prestasi yang lebih baik ini adalah berpunca daripada permintaan yang meningkat didorong oleh penyediaan lebih banyak rumah yang mampu dimiliki, kadar faedah yang secara relatifnya rendah, kelonggaran syarat pinjaman perumahan Kerajaan, lebih banyak pilihan dalam pengeluaran caruman dari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan peningkatan pendapatan bolehguna. Pertumbuhan di sektor ini juga dipengaruhi oleh penerusan pelaksanaan projek infrastruktur swasta dan awam. Dengan pertumbuhan sektor pembinaan yang sederhana, sumbangan kepada KDNK benar dijangka berkurang sedikit pada kadar 3.4% (1999: 3.6%).

Pembinaan harta kediaman terus aktif. Daripada 800,000 unit yang disasarkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000), kira-kira 70% telah dibina pada akhir 1999. Skim perumahan baru terus dilaksanakan. Daripada 110,644 unit yang diluluskan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk dibina dalam tempoh enam bulan pertama tahun 2000, 25.8% adalah bagi kategori rumah kos rendah, 38.7% rumah kos sederhana dan bakinya 35.5% adalah rumah kos tinggi. Bagaimanapun, pemaju masih berhati-hati, dengan melancarkan unit baru di mana permintaan masih wujud terutama di bandar-bandar besar.

Sejumlah 57,925 unit harta kediaman dilancarkan dalam separuh pertama tahun 2000 (Januari-Jun 1999: 48,200 unit). Unit kondominium/apartmen merupakan jumlah terbesar dari skim perumahan (39.4%), terletak terutamanya di Selangor dan Kuala Lumpur. Tidak seperti di tahun-tahun lepas,

kondominium/apartmen dibina dalam lingkungan harga yang lebih termampu. Penawaran kondominium mewah, bagaimanapun, masih mengalami lebihan dan kadar sewa berada pada paras yang rendah.

Prestasi jualan bagi unit-unit yang baru dilancarkan adalah bercampur-campur, didahului oleh 61% (14,029 unit dijual) kondominium/apartmen, dan diikuti oleh 56% (7,877 unit dijual) rumah teres dua hingga tiga tingkat. Pinjaman untuk pembelian harta kediaman meningkat daripada RM12,062 juta dalam separuh kedua tahun 1999 kepada RM12,585 juta dalam separuh pertama tahun 2000. Pinjaman yang diluluskan oleh Bahagian Pinjaman Perumahan, Perbendaharaan Malaysia kepada kakitangan Kerajaan juga menunjukkan trend yang sama, meningkat kepada RM27,285 juta untuk 459,009 peminjam pada akhir Ogos 2000 berbanding RM25,840 juta untuk 438,885 peminjam pada akhir 1999.

Dilihat dari konteks pasaran hartanah, sektor perumahan mengalami keadaan yang stabil. Ini dicerminkan dari pergerakan Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM). Meskipun IHRM dalam tempoh separuh pertama tahun 2000 (198.5) adalah 3.2% lebih tinggi berbanding enam bulan yang lepas, kadar peningkatan semakin perlahan. Dalam tempoh separuh kedua tahun 1999, kadarnya meningkat 10.8% berbanding separuh pertama 1999. Indeks rumah berkembar meningkat paling tinggi pada kadar 15.8% berbanding tempoh yang sama tahun 1999, diikuti rumah sesebuah 14.8%, rumah teres 14.1% dan rumah bertingkat tinggi 11.2%. Semua negeri mencatatkan pergerakan positif dalam indeks harga rumah, dengan Selangor mencatatkan peningkatan tertinggi 23.1%, diikuti Pahang 11.6%, Kuala Lumpur 9.3% dan Pulau Pinang 9%.

Lebihan penawaran ruang pejabat dan perniagaan masih merupakan masalah kepada sektor harta bukan kediaman memandangkan lebihan penawaran telah menjejaskan pertumbuhan sektor ini. Kompleks perniagaan bernilai RM12,700 juta dan ruang pejabat binaan khas bernilai RM7,340 juta masih kosong di seluruh negara. Stok ruang pejabat dalam tempoh separuh pertama 2000 berjumlah 10.9 juta meter persegi (m.p.s) terdapat di pasaran dengan kadar penghunian 79%. Sejumlah 2.45 juta m.p.s masih di peringkat pembinaan dengan 70.6% adalah di Kuala Lumpur. Mengenai ruang niaga, Kuala Lumpur, Selangor,

Pulau Pinang dan Johor menawarkan 70% daripada keseluruhan 5.28 juta m.p.s ruang niaga di kompleks perniagaan di seluruh negara. Berbeza dengan keadaan keseluruhan pasaran hartanah, kadar penghunian purata ruang runcit di kompleks perniagaan meningkat kepada 73% pada akhir Jun 2000 (1999: 70.9%). Kadar penghunian juga meningkat agak tinggi di lokasi utama, seperti Kuala Lumpur dengan kadar penghunian di sekitar 79%.

Aktiviti pembinaan tapak industri pada umumnya lembab. Sejumlah 1,503 unit projek industri disiapkan dalam separuh pertama tahun 2000 menjadikan unit di seluruh negara berjumlah 70,647. Selangor dan Johor menyumbang 52% daripada jumlah stok negara. Jumlah transaksi dalam tempoh Januari-Jun 2000 adalah 3,300, turun 18.6% berbanding Julai-Disember 1999. Jumlah nilai, walau bagaimanapun, menunjukkan peningkatan masing-masing sebanyak 7.9% kepada RM2,257 juta dan 49.8% berbanding separuh kedua 1999 dan separuh pertama 2000 (Januari-Jun 1999: RM1,507 juta dan Julai-Disember 1999: RM2,092 juta). Kebanyakan dari transaksi adalah di Selangor (36.5%).

Dari segi pembangunan hotel, pada akhir separuh pertama 2000, stok sedia ada berjumlah 1,817 buah mengandungi 124,871 bilik. Daripada jumlah tersebut, 164 buah merupakan hotel bertaraf empat dan lima bintang, sementara bakinya adalah hotel tiga bintang dan hotel bertaraf sederhana. Sebanyak 22,000 bilik hotel lagi dijangka bertambah kepada stok sedia ada. Usaha Kerajaan untuk meningkatkan industri pelancongan melalui cuti dua kali Sabtu berselang kepada kakitangan Kerajaan serta beberapa kempen untuk menarik pelancong asing dijangka terus menjana permintaan untuk industri hotel dan pelancongan. Kadar penginapan hotel meningkat kepada 54% dalam tempoh separuh pertama tahun 2000 di Kuala Lumpur (Januari-Jun 1999: 49.2%).

Pembinaan rumah kos rendah dan sederhana terus menyokong program perumahan Kerajaan. Di bawah pelbagai program perumahan kos rendah termasuk Tabung Perumahan untuk Rakyat Termiskin, Tabung untuk Mempercepatkan Pembinaan Rumah Kos Rendah dan Tabung Pusingan Perumahan Kos Rendah, sebanyak 36,000 unit rumah telah disiapkan dengan 57,000 unit lagi sedang dalam pembinaan. Di bawah Program Perumahan Awam Kos Rendah sejumlah

24,394 unit telah disiapkan dan 19,459 unit sedang dibina. Sebanyak 21,016 unit rumah sedang dibina di bawah Program Perumahan Rakyat Bersepadu untuk memenuhi keperluan perumahan yang semakin meningkat untuk setinggan di Wilayah Persekutuan dan di bandar utama lain.

Nilai ditambah sektor pembinaan juga disokong terutamanya oleh pembangunan projek-projek infrastruktur. Peruntukan tambahan telah disediakan untuk pembinaan sekolah, jalan-jalan dan kemudahan awam. Projek-projek penswastan infrastruktur yang tergendala telah dipulihkan melalui pinjaman yang disediakan oleh Bank Pembangunan dan Infrastruktur Berhad. Di antara projek utama berkenaan termasuk pembangunan Cyberjaya, pembinaan penjana letrik oleh Pengeluar Elektrik Bebas di Yan, Kedah, pembesaran kemudahan pelabuhan termasuk Tanjong Pelepas, Johor, Pelabuhan Barat di Pelabuhan Kelang, Pelabuhan Bintulu dan pelaksanaan projek lebuh raya seperti Sistem Penyuraian Trafik KL, Lintasan Baru Selat Kelang Utara dan pembinaan Hubungan Keretapi Ekspres (ERL) daripada Kuala Lumpur Sentral ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), KL Monorel dan projek Kuala Lumpur Sentral.

Sektor Perkhidmatan

Sejajar dengan pertumbuhan pesat aktiviti-aktiviti ekonomi, sektor perkhidmatan dijangka berkembang 4.9% keseluruhannya pada tahun 2000 (1999: 3.3%). Melalui perkembangan ini, nilai ditambah sektor perkhidmatan dianggarkan berjumlah RM109,941 juta, merupakan 53% daripada jumlah KDNK. Punca utama pertumbuhan sektor perkhidmatan dijangka disumbangkan dari pertumbuhan pesat sektor kecil pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan yang dijangka meningkat 6.7%. Sektor kecil perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran dijangka mencatatkan pertumbuhan 5.9%, sementara pertumbuhan sektor kecil berkaitan perkhidmatan kewangan dijangka merekodkan peningkatan 4.2%. Selaras dengan perkembangan penyediaan perkhidmatan awam terutamanya perkhidmatan kesihatan, pendidikan dan sosial, nilai ditambah sektor kecil perkhidmatan Kerajaan dijangka meningkat 3.9%. Keseluruhannya, sumbangan sektor perkhidmatan kepada KDNK bagaimanapun dianggar merosot kepada 53% (1999: 54.3%).

Perkhidmatan yang disediakan oleh **sektor kecil pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan** dijangka meningkat pada kadar yang lebih tinggi 6.7% pada tahun 2000 (1999: 4.8%) mengambilkira sumbangan yang lebih tinggi daripada perkhidmatan udara dan pelabuhan, serta daripada perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan aktiviti perniagaan berasaskan pengetahuan. Dengan jangkaan ketibaan pelancong yang lebih tinggi dan bertambahnya perjalanan jarak jauh, hasil dari penumpang Malaysia Airlines (MAS) meningkat sebanyak RM3,207 juta atau 19.5% dalam tempoh enam bulan pertama 2000 (Januari-Jun 1999: RM2,685 juta atau 4.8%) daripada perkhidmatan yang diberikan kepada 8.1 juta penumpang. Memandangkan pengilang berusaha untuk mendapatkan perkhidmatan yang lebih cepat dan efisien untuk mengangkut barangan, kargo yang dikendalikan oleh MAS meningkat dengan ketara sebanyak 44.8% kepada 183,500 tan termasuk melalui pengendalian kargo oleh subsidiari MAS

Kargo. Keretapi Tanah Melayu (KTM) Berhad pula telah menunjukkan prestasi yang memuaskan. Perkhidmatan komuter telah memberi perkhidmatan kepada 13.1 juta penumpang dalam tempoh lapan bulan pertama 2000, peningkatan 14.2% berbanding tempoh yang sama tahun 1999. Kemudahan pengangkutan fret yang dinaiktaraf telah menyumbang 52% kepada peningkatan pengendalian kargo oleh KTM yang berjumlah 3.5 juta tan berbanding tempoh yang sama tahun lepas.

Prestasi kukuh dalam perdagangan telah memberi sumbangan yang besar ke atas jumlah pengendalian kontena bagi pelabuhan-pelabuhan utama seperti Pelabuhan Pasir Gudang, Pulau Pinang dan Bintulu yang telah mencapai pertumbuhan dua angka sejak enam bulan yang lepas. Keseluruhannya jumlah kargo yang dikendalikan oleh lapan pelabuhan utama di seluruh negara telah meningkat 11.2% kepada 77.9 juta muatan berat tan (fwt) (Januari-Jun 1999: 7%; 70 juta fwt). Pengendalian kargo kontena telah meningkat 21.1% kepada 2.2 juta unit setara 20 kaki (TEUs) (Januari-Jun 1999: 1.8 juta TEUs). Pelabuhan Tanjong Pelepas yang telah memulakan operasi komersil pada Januari 2000, telah mengendalikan 77,746 TEUs kargo kontena daripada Januari hingga Julai 2000. Pelabuhan ini dijangka muncul sebagai pusat pengangkutan utama di rantau ini. Peningkatan kemudahan asas di Pelabuhan Kelang dan Pulau Pinang dijangka akan terus meningkatkan keupayaan pengendalian kargo di pelabuhan-pelabuhan.

Dalam industri perkhidmatan **telekomunikasi**, permintaan terus meningkat di mana jumlah pengguna telefon mudahalih meningkat kepada 3.6 juta pengguna pada akhir Jun 2000 (akhir Jun 1999: 2.7 juta pelanggan). Langganan perkhidmatan internet juga meningkat. Penyedia perkhidmatan internet, Institut Sistem Mikroelektronik Malaysia (MIMOS) Berhad, menunjukkan peningkatan langganan kepada 326,930 pelanggan pada akhir Ogos 2000 (akhir 1999: 255,100 pelanggan) manakala langganan asas TMNet juga meningkat kepada 712,000 (akhir 1999: 405,300 pelanggan). Talian tetap yang disediakan oleh Telekom Malaysia Berhad membekalkan lebih 95% daripada jumlah talian tetap, manakala bilangan pelanggan meningkat 5.5% kepada 4.5 juta pada akhir Ogos 2000 (akhir Ogos 1999: 4.3 juta pelanggan).

Jadual 4.12

Prestasi Sektor Perkhidmatan Pada Harga Tahun 1987 (%)

Sektor Kecil	Kadar Pertumbuhan Tahunan		Sumbangan Kepada KDNK	
	1999	2000 ^a	1999	2000 ^a
Elektrik, Gas dan Air	4.8	6.3	3.4	3.4
Pengangkutan, Penyimpanan dan Perhubungan	4.8	6.7	8.1	8.0
Perdagangan Borong dan Runcit, Hotel dan Restoran	2.8	5.9	15.2	15.0
Kewangan, Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	1.7	4.2	12.3	11.9
Perkhidmatan Kerajaan	6.9	3.9	7.4	7.1
Perkhidmatan-Perkhidmatan Lain	1.3	2.8	7.9	7.6
Jumlah	3.3	4.9	54.3	53.0

^a anggaran.

Berikutan daripada pertumbuhan kukuh sektor perkilangan pada tahun 2000 dan jangkaan ketibaan pelancong yang mencapai 8.5 juta, prestasi **sektor kecil perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran** dijangka terus meningkat 5.9%. Penyiasatan Jangkaan Perniagaan Syarikat-Syarikat Berhad menunjukkan modal berjumlah RM235 juta dilaburkan dalam sektor ini bagi separuh pertama 2000, meningkat 65.6% berbanding separuh kedua 1999. Dengan peningkatan ini, hasil kasar bagi sektor berkenaan dianggarkan meningkat sebanyak RM22,693 juta pada tempoh tersebut. Prestasi yang menggalakkan dalam aktiviti-aktiviti borong dan runcit juga dicerminkan oleh hasil kutipan cukai jualan dan cukai perkhidmatan yang lebih tinggi. Kutipan cukai jualan meningkat kepada RM3,870 juta atau 40.7% pada Januari hingga Ogos 2000, sementara cukai perkhidmatan meningkat RM1,127 juta atau 17% (Januari-Ogos 1999: masing-masing 5.5% dan -1.5%).

Sektor kecil ini juga mendapat faedah daripada jumlah ketibaan pelancong yang tinggi. Peningkatan pelancong terutamanya daripada Singapura, Jepun dan China akan menyumbang ke arah peningkatan hasil yang lebih tinggi daripada perbelanjaan pelancong yang dijangka meningkat sebanyak RM13,300 juta pada tahun 2000 (1999: RM13,000 juta). Bagi menampung ketibaan pelancong yang besar, pelaburan yang lebih banyak dibuat dalam perhotelan beberapa tahun kebelakangan. Kadar penginapan hotel di Kuala Lumpur telah meningkat kepada 54% dalam tempoh enam bulan pertama 2000 (1999: 49.2%). Beberapa destinasi pelancongan di pulau-pulau seperti Langkawi, Pangkor, Redang dan pusat peranginan di kawasan tinggi mencatatkan kadar penginapan melebihi 70%.

Nilai ditambah **sektor kecil kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan** yang merupakan 22.5% daripada jumlah sektor perkhidmatan dijangka meningkat 4.2% pada tahun 2000 (1999: 1.7%). Ini dicerminkan oleh kelulusan pinjaman sistem perbankan yang meningkat sebanyak 19.5% kepada purata RM10,400 juta pada akhir Julai 2000 (1999: purata bulanan RM8,700 juta). Pendapatan premium yang digabungkan berkembang kukuh sebanyak 16.7% kepada RM6,300 juta pada suku kedua 2000 (suku kedua 1999: 3.8% kepada RM5,400 juta) disokong oleh peningkatan aktiviti perkhidmatan insurans nyawa dan awam. Pasaran hartanah kurang cergas

Jadual 4.13

Petunjuk-Petunjuk Prestasi Pertumbuhan Untuk Pengangkutan, Penyimpanan, Telekomunikasi, Elektrik dan Bekalan Air (Januari-Ogos)

	Kadar Pertumbuhan Tahunan (%)	
	1999	2000
Penerbangan Malaysia		
Hasil Kargo	-3.0	44.8
Hasil Penumpang	4.8	19.5
KTMB		
Hasil Kargo	-21.7	46.3
Hasil Penumpang	-8.2	-3.4
Lapan Pelabuhan Utama		
Pengendalian Kargo	7.0	11.2
Kargo Kontena	30.8	21.1
Telekom Malaysia Berhad ¹		
Pelanggan Perniagaan	-2.9	5.5
Pelanggan Kediaman	-1.5	5.5
Tenaga Nasional Berhad		
Penggunaan Letrik	3.4	13.3
Penjanaan Letrik	0.6	7.2
Jabatan Kerja Raya		
Penggunaan air	1.5	0.8
Bekalan air ²	2.4	3.0

¹ pada akhir tempoh.

² untuk seluruh tahun.

Sumber: MAS, KTMB, TELEKOM, TNB, PWD dan pelbagai pihak berkuasa pelabuhan.

berikutan lebihan penawaran beberapa segmen tertentu pasaran harta. Walau bagaimanapun, bilangan dan nilai keseluruhan transaksi hartanah dalam tempoh enam bulan pertama 2000 meningkat masing-masing sebanyak 5% dan 15.3%, berbanding tempoh yang sama tahun 1999.

Perkhidmatan yang disediakan oleh **sektor kecil elektrik, gas dan air** dijangka meningkat 6.3%

pada tahun 2000 (1999: 4.8%), disumbangkan terutamanya oleh peningkatan aktiviti-aktiviti perkilangan. Penggunaan elektrik oleh sektor industri meningkat 15.9% dan sektor perniagaan 10.2% dalam tempoh lapan bulan pertama 2000. Bekalan air kepada pengguna meningkat 3% kepada 10,634 juta liter sehari (jls) pada tahun 2000 (1999: 10,324 jls), sementara jumlah penggunaan dalam tempoh lapan bulan pertama 2000 hanya meningkat 0.8%.

Sektor kecil perkhidmatan Kerajaan dijangka berkembang 3.9% pada tahun 2000 (1999: 6.9%). Peningkatan ini berpunca dari pelarasan gaji kakitangan awam berkuatkuasa mulai Januari 2000. Untuk menyokong dasar kewangan yang longgar, dasar fiskal yang berkembang dilaksanakan dengan perbelanjaan awam ditumpukan kepada menaiktaraf dan meningkat kemudahan pembangunan terutamanya dalam perkhidmatan pendidikan, kesihatan dan sosial.